



M E M O

**PUSAT LATIHAN PENGAJAR DAN KEMAHIRAN LANJUTAN (CIAST)
JABATAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA**

RUJUKAN : CIAST 100-1/7/1(32)

TARIKH : 2 Oktober 2013

PERKARA : ARAHAN PENGURUSAN BIL. 14 TAHUN 2013 KADAR YURAN KURSUS SECARA <i>IN-HOUSE</i> DI AGENSI LUAR	
DARIPADA : Pengarah CIAST	SALINAN : KP JPK TP, KP/KB PEM
KEPADA : Semua kakitangan CIAST	

1. TUJUAN

Memaklumkan kadar yuran kursus jangka pendek yang dikenakan kepada agensi luar bagi penganjuran kursus di luar CIAST secara *In-House Training*.

2. LATAR BELAKANG

2.1 CIAST dipertanggungjawabkan untuk menyelaras dan menyediakan program latihan peningkatan kemahiran kepada tenaga pengajar awam dan swasta. Atas tujuan itu, CIAST telah merangka dan membangunkan kursus-kursus modular yang merangkumi latihan di bawah lima (5) program iaitu :-

- a. Program Pembangunan Pengajar Kemahiran (PPK)
- b. Program Pembangunan Profesional Kemahiran (SPD)
- c. Program Pembelajaran Elektronik dan Multimedia (PEM)
- d. Program Kelayakan Kekompetenan (KK)
- e. Program Perancangan dan Pembangunan Latihan (PPL)

2.2 Kursus yang ditawarkan di CIAST mendapat sambutan yang baik daripada pihak luar. Walau bagaimanapun, disebabkan peruntukan kewangan agensi yang terhad, pihak agensi memohon penganjuran kursus di tempat sendiri (*secara In-House*). Amalan semasa agensi lebih cenderung membuat bayaran kepada penceramah atau

KEPADA	MINIT
KU(IR)	Majikan k.p.d PEM.
KU(IS)	
KU(ET)	
KU(AVA)	
PT(PEM) ✓	
	TARIKH: 4/10/13

pengajar terlibat sebagai Penceramah Jemputan. Ini menjejaskan bilangan pengeluaran peserta kursus CIAST dan hasil akaun amanah CIAST.

- 2.3 Kertas Cadangan Penyelarasan Prosedur dan Kadar Bayaran Kursus Secara *In-House* oleh Agensi Luar telah disediakan dan dikemukakan kepada Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Manusia untuk pertimbangan.
- 2.4 Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Manusia pada 2 Ogos 2013 telah meluluskan kadar yuran baru bagi kursus *In-House Training* oleh agensi luar.

3. ARAHAN

- 3.1 Permohonan Kursus Secara *In-House* hendaklah mematuhi perkara berikut :
 - a. Agensi yang memohon mengemukakan cadangan kursus, menetapkan tempat kursus dan keperluan kursus kepada CIAST untuk pertimbangan.
 - b. Pihak CIAST akan menyelaras tenaga pengajar yang akan mengendalikan kursus berkenaan serta bahan pengajaran yang diperlukan selaras dengan keperluan pihak agensi.
- 3.2 Kadar Yuran Kursus Secara *In-House*.
 - a. Bayaran yuran kursus diberi diskaun sebanyak 25% daripada kadar yuran semasa bagi yuran kursus modular (*In-House*) yang dibuat di agensi tersebut.
 - b. Bayaran elaun yang layak dituntut oleh tenaga pengajar terlibat adalah tuntutan perjalanan, tuntutan hotel/lojing, tuntutan elaun makan/harian dan peruntukan kapal terbang sekiranya ada.
 - c. Bayaran runding cara layak dituntut oleh pengajar yang terlibat dalam menentukan kandungan kursus dan melaksanakan kursus tersebut.
 - d. Bayaran runding cara yang dibenarkan ialah 15% dari bayaran yuran setelah ditolak diskaun pengurangan 25%.
 - e. Kadar yuran kursus ditetapkan seperti jadual di bawah :-

Kategori Kursus	Kadar Yuran Kursus (RM)	Caj Lain (RM)
Kategori A (Teori, Peralatan <30%)	RM1200/hari (RM80 x 20 peserta) – 25%	a) Tuntutan perjalanan b) Tuntutan hotel/lojing
Kategori B (Teori dan Amali, Peralatan 30%<70%)	RM1500/hari (RM100 x 20 peserta) – 25%	c) Tuntutan elaun makan/harian d) Tuntutan kapal terbang (jika berkaitan)
Kategori C (Teori dan Amali, Peralatan >70%)	RM1800/hari (RM120 x 20 peserta) – 25%	e) Bayaran runding cara (jika berkaitan)
Pedagogi / VTO	RM600/hari (RM40 x 20 peserta) – 25 %	

4. TARIKH KUAT KUASA


Tarikh kuat kuasa peraturan ini mulai dari tarikh kelulusan Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Manusia pada 2 Ogos 2013.

Kerjasama tuan/puan dipohon bagi menentukan peraturan di atas dipatuhi sepenuhnya.

Sekian, terima kasih.

" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "

" Pekerja Pemangkin Transformasi Negara "



(SUIMI BIN ABD. MAJID)

Pengarah CIAST